

SESUAI dengan semangat dan usaha menjadikan silat sebagai acara sukan antarabangsa, maka lahirlah buku *Silat Olahraga* tulisan Anuar Abdul Wahab.

Bahkan, ia tampil sempena Kejohanan Silat Sedunia Keempat yang berlangsung dari 2 hingga 9 Disember 1987 di Kuala Lumpur. *Buku Olahraga*

Encik Anuar ialah guru utama Seni Gayung Fatani Malaysia. Beliau adalah jurulatih silat olahraga pada peringkat antarabangsa.

Buku ini cuba memperkenalkan dasar dan sikap gerak yang dapat diterima dalam silat olahraga dan juga memberi panduan kepada pesilat dan peminat silat olahraga.

Terdapat perbezaan antara seni pencak silat yang adakalanya diselaputi dengan unsur batin dengan silat olahraga.

Menurut Encik Anuar, silat antarabangsa ini merupakan seni mempertahankan diri yang dipertandingkan dalam gelanggang olahraga. Ia tertakluk kepada beberapa peraturan.

Pertandingan terbuka kepada mana-mana sahaja perguruan silat sama ada perguruan silat tempatan atau perguruan silat antarabangsa. Misalnya Silat Gayung bermain Silat Cekak. Atau Taekwon-Do bermain dengan Silat Sekebum.

Tetapi perguruan-perguruan ini tetap menggunakan peraturan pertandingan silat olahraga.

Tulisan Anuar Abdul Wahab jelas dan mudah difahami. Buku ini mengandungi 565 rajah yang mudah dan membolehkan kita menggarap secara kasar konsep silat olahraga.

Seni ini merupakan satu bentuk olahraga yang lahir daripada seni silat Melayu.

Silat olahraga berkembang pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa melalui Persatuan Silat Antarabangsa (Persilat) yang ditubuhkan di Jakarta dalam 1979.


Antara usaha Persilat ialah merintis silat ini dengan mengadakan beberapa pertandingan silat olahraga pada peringkat antarabangsa mulai 1982.

Pertandingan ini disertai oleh peserta dari tiga buah negara pendukung Persilat iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura dan kemudian beberapa negara peserta lain, khususnya dari Barat telah menunjukkan minat seperti Amerika Syarikat dan Australia.

Buku ini memaparkan silat dalam empat kategori: kategori seni, kategori bela diri, kategori kerohanian dan kategori olahraga.

Penulis memberi fahaman tentang silat olahraga ke arah penggalakan penyertaan. Fahaman ini dikemukakan dalam dua aspek peraturan dan un-

Sumbangan berharga ke arah peringkat 29 DEC 1987 seni silat



dang-undang dan aspek teknik dan taktik silat olahraga.

Buku ini menyediakan beberapa garis panduan silat olahraga seperti peraturan pertandingan silat olahraga, persediaan peserta sebelum memasuki gelanggang serta kaedah-kaedah gerakan yang boleh menambahkan kefahaman pembaca dan peminat Silat Olahraga.

Misalnya, konsep gerak dan sikap yang terdapat dalam buku ini diamalkan oleh kebanyakan perguruan seni pencak silat di rantau ini.

Selain pesilat, pembaca dan peminat seni pencak silat juga dapat menggunakan buku ini untuk memahami apa sebenarnya yang berlaku dalam gelanggang silat olahraga dan melakukan latihan sendiri berpandukan Gerak dan Sikap dalam buku ini.

Hari ini dengan berkem-

Tajuk: Silat Olahraga
Penulis: Anuar Abdul Wahab
Penerbit: Dewan Bahasa Dan Pustaka
Harga: \$12

bangnya berbagai bentuk permainan sukan yang dipertandingkan dengan perutusan atau undang-undang tertentu, maka permainan seni pencak silat juga perlu mempunyai suatu bentuk pertandingan yang mempunyai peraturan yang tertentu.

Buku tulisan Encik Anuar ini tidak syak memberikan sumbangan berharga ke arah mempertingkatkan dan mengembangkan silat olahraga secara sistematik, saintifik dan rasional. Inilah seni yang dapat mengekalkan warisan budaya bangsa.